

Kertas Bil. 53/2015



**MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH
DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT
PERTAMA PENGKAL KETIGA
DEWAN NEGERI SELANGOR
YANG KETIGA BELAS
PADA 30 MAC – 3 APRIL DAN
6 – 9 APRIL 2015**

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN
BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI
DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN SELAMAN SDN. BHD. (SSB)**

KERTAS BILANGAN 10/2015

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Jawapan MMKN		Tindakan yang telah dilaksanakan
			Setuju	Tidak Setuju	
8.	PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN SELAMAN SDN BHD (SSB)	1. Kerajaan Negeri melalui PKNS hendaklah memastikan SSB menentukan dan mencapai sasaran kuantitatif untuk projek-projek pembangunan.			Selaman telah menyediakan Pelan Perancangan Strategik 5 tahun 2015 – 2019 yang merangkumi projek-projek pembangunan yang akan dilaksanakan dalam tempoh tersebut. Pelan perancangan projek-projek pembangunan dipantau oleh PKNS melalui Mesyuarat Exco dan Lembaga Pengarah. Sebagai tambahan PKNS juga ada mengusulkan cadangan-cadangan tanah pembangunan baru yang boleh dimajukan oleh Selaman Sdn Bhd.
		2. Kerajaan Negeri hendaklah memastikan PKNS hendaklah memantau dengan meneliti subsidiarinya. PKNS harus memastikan SSB mendapat bantuan atau latihan yang berpatutan untuk mengelakkan projek tertangguh ataupun dibatalkan.			PKNS sentiasa memantau perkembangan anak syarikat melalui Ahli Lembaga Pengarah dan Exco Syarikat yang dilantik oleh PKNS. PKNS telah mengambil inisiatif untuk menyusun semula struktur korporat kumpulan Anak Syarikat agar ianya lebih efektif dan efisien. Ianya juga bertujuan untuk membantu pengurusan Syarikat di dalam membuat keputusan terhadap isu-isu yang kritikal. Cadangan pengstrukturkan semula korporat kumpulan Anak Syarikat PKNS telah diluluskan oleh Ahli Perbadanan PKNS pada mesyuarat Bilangan 1/2015 pada 16 Mac 2015.
		3. SSB hendaklah menambahbaik pengurusan kontraktor untuk memastikan kualiti kerja projek pembangunan dapat dikawal.			Selaman Sdn Bhd telah mewujudkan 'Bahagian Perolehan dan Kontrak' yang dahulu hanya menjadi sub-unit kepada Bahagian Projek yang berperanan menjaga kontrak sahaja. Dengan penubuhan Bahagian Perolehan dan Kontrak skop kerja adalah lebih luas dan fokus dalam usaha menambah baik pengurusan, perantikan dan penilaian kontraktor. Bahagian Perolehan dan Kontrak bertindak sebagai sistem kawalan dan pemantauan prestasi kontraktor dan kontrak serta pembekal supaya kualiti kerja dapat dipertingkatkan.

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Jawapan MMKN		Ulasan MMKN (jika ada) / Tindakan yang telah dilaksanakan
			Setuju	Tidak Setuju	
		4. Kerajaan Negeri melalui PKNS hendaklah memastikan Ahli Lembaga Pengarah SSB dapat memantau kecekapan pengurusan syarikat yang mampu menjana keuntungan serta mampu melaksanakan urusan pembelian tanah yang bernas dan menguntungkan.			Kompetensi dan skil Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik di dalam Anak Syarikat sentiasa dipantau dan diperingkatkan melalui kursus-kursus yang ditetapkan melalui Akademi PKNS. Dalam pada itu, Ahli Lembaga Pengarah juga dimestikan menandatangani 'Declaration of Interest di setiap mesyuarat Lembaga. Langkah terkini yang telah diambil oleh pihak PKNS dengan meminda struktur organisasi Syarikat Selaman Sdn Bhd melalui perantikan Pengarah Eksekutif yang memantau secara terus operasi syarikat. Pengurusan syarikat melalui Ketua Pegawai Operasi melapor terus kepada Pengarah Eksekutif selain laporan dan mesyuarat bulanan kepada Exco.
		5. Atas semangat akauntabiliti, Kerajaan Negeri hendaklah menyiasat sama ada penyelewengan atau kecurian berlaku dalam urusan pembelian tanah Sg Merab dan Sg Bakau. Kerajaan Negeri hendaklah memastikan supaya tindakan yang sewajarnya diambil kepada sesiapa yang bertanggungjawab.			Penyiasatan Audit tidak menunjukkan ada sebarang penyelewengan atau kecurian dalam urusan pembelian tanah Sg Merab dan Sg Bakau. Walau bagaimanapun, Syarikat menyedari prosedur pembelian tanah perlu dimantapkan. Justeru itu, SOP pembelian tanah telah disediakan.
		6. Kerajaan Negeri hendaklah mengambil langkah-langkah berpatutan untuk memastikan kecaian dalam melaksanakan pembelian tanah Sg Merab dan Sg Bakau tidak berlaku lagi.			Bagi mengambil langkah-langkah proaktif dan memperkasakan imej, Selaman Sdn Bhd telah menambahkan dan menguatkuasakan Tatacara Prosedur Pembelian Tanah sejak Jun 2014 yang mesti dipatuhi sebelum sebarang keputusan cadangan pembelian boleh dibawa untuk pertimbangan Ahli Lembaga Pengarah pada masa hadapan. Skop kerja Pegawai Integriti Syarikat juga telah diperluaskan merangkumi tindakan sebagai pegawai pemantauan mematuhi prosedur-prosedur operasi dan sebagai pemegang dokumen SOP Syarikat.



Y.A.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR